**Cuaca kering, JIMAT AIR** MS4



**Gotong-royong basmi aedes** MS6



**Kejohanan Skuasy Dunia** MS 21



PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 MAC 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dibuka untuk laluan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



JAMBATAN Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang dibuka secara rasmi untuk umum.

**BATU MAUNG** - Perasmian pembukaan ikon terbaru negara, Jambatan Kedua Pulau Pinang yang dimasyhurkan sempena nama Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah baru-baru ini disaksikan lebih 10,000 rakyat Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas partisipasi tidak langsung hingga projek mega tersebut siap.

"Saya pun bersetuju bahawa adakalanya kita wajar ketepikan (sentimen) parti politik, kita perlu melakukan sesuatu demi rakyat Malaysia.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri Pulau Pinang (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberikan kerjasama dalam pelaksanaan projek ini," ujarnya pada Majlis Perasmian Jambatan Kedua Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof turut berucap pada majlis bersejarah yang bermula sekitar jam 8.30 malam itu.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Tun Abdullah Ahmad Badawi (bekas Perdana Menteri) dan isteri, Tun Jeanne Abdullah, Huang Huikang (Duta China ke Malaysia), Datuk Mukhriz Tun Mahathir (Menteri Besar Kedah), Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pendagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut hadir pada majlis itu.

Hadir sama, Ahli Jemaah Mesyuarat Menteri, Exco-Exco Kerajaan Negeri, para wakil rakyat dan duta-duta.

Selain persembahan Boria Pulau Pinang, peluncuran bunga api ke udara antara upacara kemuncak menarik pada majlis perasmian tersebut.

Mohd. Najib, Guan Eng serta dif kehormat lain turut dibawa meninjau di atas jambatan itu, dengan menaiki bas khas disediakan kontraktor utama projek, United Engineers Malaysia Berhad (UEM).

Di sepanjang jambatan itu, khususnya di bahagian rentasan utama bercahaya dek lampu neon sepanjang malam perasmian pembukaan, mula dibuka kepada orang awam bermula jam 12.01 pagi bertarikh 2 Mac lalu.

Jambatan terpanjang di Asia Tenggara itu adalah sepanjang 24 kilometer, dengan 17 kilometer merentasi laut dan tujuh kilometer lagi di daratan.

Projek menelan kos RM4.5 bilion tersebut dimajukan bersama syarikat kontrator China, China Harbour Engineering Co. Ltd. (CHEC) dan syarikat tempatan, Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB).

Pemajuan bersama projek tersebut kebetulan selesai semasa hubungan diplomatik Malaysia-China genap 40 tahun.



**MOHD. Najib Tun Razak dan isteri sambil ditemani Ketua Menteri pada Majlis Pelancaran Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini baru-baru ini.**

JKSB diberi konsesi mengutip tol selama 45 tahun, serentak dengan kutipan tol di Jambatan Pertama Pulau Pinang selama 30 tahun lagi sungguhpun perjanjian konsesi di jambatan itu patut tamat pada tahun 2018.

Selain dibina dengan reka bentuk bersifat lestari alam sekitar, jambatan tersebut mempunyai kelebihan kerana menggunakan sistem galas getah redaman tinggi (HDRB) yang mampu menahan kesan gegaran gempa bumi sehingga 8.2 pada skala Richter pada jarak 300 kilometer daripada punca gempa bumi.

Sebanyak 28 kiosk bayar tol dibina, dikatakan paling besar di negara ini.

Mohd. Najib berkata, hasil perbincangan dengan syarikat konsesi, laluan di jambatan berkenaan adalah percuma dalam tempoh sebulan.

Seperti yang disebut Guan Eng dalam siri-siri majlis rasmi Kerajaan Negeri sebelum ini, Mohd. Najib pun percaya bahawa ikon terbaru Pulau Pinang-Malaysia itu bakal merancak lagi pertumbuhan ekonomi negeri, khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) negeri ini.

# KM terima kunjungan hormat *China Comm. Construction*

**KUNJUNGAN HORMAT...** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menerima kunjungan hormat syarikat pembinaan dari China, *China Communication Construction Co. Ltd.* di pejabatnya dekat Komtar, George Town baru-baru ini.

Ketua Pengarah Eksekutif syarikat antarabangsa itu, Zhou Jichang melahirkan harapan agar hubungan kedua-dua pihak dibina utuh, khususnya dalam sektor perkhidmatan strategik.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow turut bersama-sama Guan Eng menyambut delegasi tersebut.

Kedua-dua belah pihak saling menukar cenderahati kenang-kenangan sebagai simbol komitmen masing-masing untuk saling bekerjasama demi kepentingan bersama.



**KETUA Menteri saling bersalaman dengan Zhou Jichang (empat dari kiri) sambil diperhati barisan dif kehormat lain pada kunjungan hormat di sini baru-baru ini.**

# Tiga projek dalam proses punca trafik sesak

**BATU MAUNG** - Tiga projek pintasan jalan raya berwajib yang masih dalam proses pemajuan di sini dikenal pasti sebagai salah satu punca kesesakan trafik di sekitar Bayan Baru ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dalam beberapa hari pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKPP) itu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pembangunan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, ketiga-tiga projek di bawah seliaan Kerajaan Pusat yang dimulakan lewat dari jadual pemajuan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

"Saya lihat keadaan trafik masih terkawal walaupun pada waktu puncak ke tempat kerja sekarang.

"Dari sini (Batu Maung) ke *Queensbay Mall*, dari sini ke simpang Bayan Lepas dan satu lagi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke lebuh raya dekat Sungai Ara - Teluk Kumbar masih dalam pemajuan.

"Tiga projek di bawah JKR (Jabatan Kerja Raya) Kerajaan Pusat ini dimulakan lewat daripada jangkaan...mungkin lebih dua tahun lagi untuk menyiapkannya," ujarnya kepada wartawan, selepas meninjau sendiri aliran trafik lebuh raya di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng dan Ir. A. Rajendran (Timbalan Pengarah Kejuruteraan bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) turut menyertai tinjauan tersebut.

Kon Yeow berkata, ketiga-tiga projek itu wajar disiapkan segera demi mengelak kesesakan trafik yang lebih teruk.

"Jika lambat siap, masalah trafik akan turut menjejaskan tanggapan awam pada kebaikan jambatan baru ini," tegas beliau.

Kedua-dua Exco Kerajaan Negeri turut diminta mengulas tiga perkara berbangkit mengenai JKPP tersebut.

Perkara pertama, dua lorong kereta sahaja sekaligus dilihat tidak memenuhi spesifikasi lebuh raya, iaitu sekurang-kurangnya tiga lorong; walaupun menggunakan dalih ada satu lagi lorong khas untuk penunggang motosikal.

Perkara kedua, pembinaan jambatan kedua ini bertentangan dengan logik menaiktaraf Jambatan Pertama Pulau Pinang, iaitu pelebaran dari dua lorong pada tiga lorong seperti di rentasan utama jambatan itu demi menampung kesesakan trafik pada waktu puncak.

Ketiga, langsung tiada tempat berhenti untuk tujuan kecemasan pada jambatan baru ini sebagaimana pada Jambatan Pertama Pulau Pinang, sekaligus dilihat tidak mesra pengguna.

Menjawab soalan wartawan, Hock Seng berkata, Kerajaan Pusat membina struktur jambatan baru itu mungkin hanya mengambil kira kondisi aliran trafik sekarang.

"Seperti yang diumum oleh (syarikat konsesi) JKSB (Jambatan Kedua Sdn. Bhd.) bahawa buat masa sekarang jambatan itu masih boleh menyuraikan 20 peratus kesesakan trafik di Jambatan Pertama (Pulau Pinang).

"Tetapi, pada masa hadapan, jika perlu, mereka boleh ubah kepada tiga lorong tanpa membuat apa-apa pelebaran lagi, kerana pembinaan asal adalah tiga lorong, cuma salah satu lorong untuk laluan khas motosikal.

"Buat masa sekarang, hentian kecemasan pun ada, tetapi sempit. Memang boleh muat satu kereta (berhenti kecemasan)," jelas beliau.

Direkodkan, lebih 70,000 kenderaan merentasi sehala di Jambatan Pertama Pulau Pinang tiap-tiap hari.

Kerajaan Pusat menjangkakan 20 peratus hingga 25 peratus kesesakan trafik di jambatan pertama itu mampu disuraikan selepas pembukaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dalam tempoh lima tahun ini.



**(Dari kiri), CHOW Kon Yeow, Ir. A. Rajendran dan Lim Hock Seng menjawab soalan daripaada pihak media selepas meninjau aliran trafik di sekitar Bayan Baru ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini baru-baru ini.**



**ABDUL Wahid Omar (kiri sekali) dan Ketua Menteri mendengar penjelasan daripada Rosli Jaafar (kanan sekali) mengenai pelan projek pada Majlis Pelancaran Hab IT-BPO di sini baru-baru ini.**

# Inovasi hab IT-BPO lonjak ekonomi pendapatan tinggi – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS** - Pelancaran Hab Teknologi Maklumat Penyumberan Luar Proses Perniagaan (IT-BPO) bernilai RM3.3 bilion berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini pada 1 Mac lepas diharap dapat mengelak perangkap pendapatan pertengahan, selain, melonjak ekonomi negeri ke tahap berpendapatan tinggi.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, inovasi itu kerana kunci kejayaan ekonomi masa depan bukan lagi bergantung pada sektor pembuatan semata-mata, malah, sektor perkhidmatan serta partisipasi Kerajaan Negeri sendiri sebagai teras utama kejayaan.

"Hab ini adalah perkongsian tiga teras, iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan dan Kerajaan.

"Sektor perkhidmatan, termasuk bukan sahaja pelancongan, rawatan perubatan dan pendidikan, tetapi, perkhidmatan dikongsi, IT (Teknologi Maklumat) dan BPO (Penyumberan Luar Proses Perniagaan) seperti kewangan , perakaunan dan pemprosesan data," ujarnya pada majlis pelancaran hab futuristik tersebut di sini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar turut berucap pada majlis rasmi itu.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Datuk Redza Rafiq (Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, NCIA) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) antara dif kehormat yang hadir pada majlis rasmi tersebut.

Jelas Guan Eng, hab tersebut akan membantu syarikat-syarikat di negeri ini untuk mengambil kesempatan daripada perniagaan yang diterima di peringkat global serta model operasi berkaitan kelak.

Abdul Wahid semasa menyampaikan ucapan perasmian berkata, Putrajaya sendiri sebenarnya berkongsi hasrat dengan Kerajaan Negeri untuk melahirkan ekonomi berpendapatan tinggi lagi kondusif menjelang tahun 2020.

"Kita mahu ekonomi kita bergerak lancar tanpa meminggirkan mana-mana rakyat Malaysia.

"Untuk itu, apabila kita memperkatakan mengenai peningkatan ekonomi, kita mahukan pendapatan kita juga meningkat," jelas Abdul Wahid, mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

# ZPP lancar Kempen Santuni Asnaf, 500 terima sumbangan



MOHD. Salleh Man (depan, tiga dari kiri) dan Azman Abdul Somat (depan, dua dari kiri) menyantuni Abdul Rahim Mey (enam dari kanan) dan Faridah Darus (depan, kiri sekali) pada Majlis Penyampaian Bantuan Dna Persekolahan ZPP di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM –** Kira-kira 500 lagi pelajar beragama Islam menerima RM227,920 bantuan dana persekolahan daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, bantuan itu sebagai kelangsungan pada Kempen Santuni Asnaf.

"ZPP bukan sekadar mengutip zakat sahaja, tetapi menjejaki asnaf yang layak di kelima-lima daerah pentadbiran kita (iaitu) Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara.

"Seperti hari ini, harapan saya dengan sumbangan ini, sedikit sebanyak dapat membantu dan mengurangkan beban ibu bapa yang perlu menyediakan wang bagi urusan yuran-yuran, membeli buku-buku keperluan anak di sekolah," ujar beliau di Dewan Milenium di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Somat turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, beberapa Ahli Majlis bagi MAINPP, antaranya, Fadzil Kimi, Rahmah Mat Isa dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Menurut Mohd. Salleh, seramai 8,371 orang menerima RM14.1 juta untuk Pendidikan Asnaf sepanjang tahun lepas, manakala, 3,103 lain menerima RM1.8 juta untuk bantuan persekolahan.

Difahamkan, pelbagai program bantuan diwujudkan demi memudahkan urusan umat Islam, antaranya, Program Didik Cemerlang Akademik Untuk Pelajar Sekolah, Biasiswa Untuk Pelajar Universiti Tempatan dan Luar Negara, Bantuan Permulaan Ke institusi pengajian tinggi (IPT), Biasiswa Pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Inapan Kasih Sayang dan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB).

Dalam perkembangan sama, Mohd. Salleh mengumumkan ZPP berjaya mengutip zakat sebanyak RM85 juta pada tahun lepas, walaupun pihaknya mensasar kutipan RM80 juta sahaja.

"Tahun ini, insyaAllah ZPP sasar kutipan zakat sebanyak RM95 juta," ujar Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Sementara itu, Abdul Rahim Mey, 50, melahirkan rasa terharu kerana anak perempuannya, Jahara Abdul Rahim, 17, dipilih sebagai penerima bantuan persekolahan tersebut.

"Sebelum ini, dia (Jahara) tidak pernah menerima sumbangan seumpama ini, bolehlah dia bayar yuran STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) dia yang agak tinggi itu.

Alhamdulillah, kita boleh berdoa sebab kita pun tiada sumbangan yang lebih baik melain beri pendidikan pada anak-anak," ujar Abdul Rahim, pekerja di stesen pam minyak dekat Penaga, Seberang Perai Utara.

Nada sama turut diluahkan Faridah Darus, 50, peniaga kecil di sini.

"Alhamdulillah, anak saya, Hani Shahida Adnan yang kini belajar di Tingkatan 5 Sekolah Menengah Haji Ahmad Badawi mendapat bantuan persekolahan kali kedua," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada MAINPP dan ZPP.

## Hon Wai *Sec-Pol* baru KM



**GEORGE TOWN –** Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik melepaskan jawatan beliau sebagai Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Pengumuman tersebut dibuat sendiri oleh Guan Eng yang turut mengumumkan pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai sebagai ganti.

Menurut beliau, Wei Aik melepaskan jawatan tersebut dengan rela hati setelah enam tahun berkhidmat sebagai Setiausaha Politiknya.

"Selepas mengambil kira keperluan memberi sepenuh tumpuan sebagai Ahli Parlimen dan perbincangan, saya menerima keputusan beliau meletak jawatan dan melantik Hon Wai.

"Terima kasih kepada beliau (Wei Aik) dan saya percaya beliau masih boleh terus memainkan peranan dalam kerajaan," katanya dalam sidang media pengumuman perkara berkenaan di sini baru-baru.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

## Exco pantau projek rumah lewat 14 tahun

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mengumumkan bahawa Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) telahpun menerima satu senarai mengandungi 1,182 projek berstrata di kawasan pulau di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kesemua projek terbabit adalah tertakluk kepada moratorium (penangguhan) untuk tempoh 10 tahun bagi pembeli kali pertama rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR).

"Senarai melibatkan 174,564 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah ini telahpun diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai terma rujukan untuk transaksi dan penilaian pihak berwajib," katanya yang merujuk kepada polisi perumahan baharu diumumkan dalam pembentangan Bajet 2014 negeri baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, mekanisma pengenalan polisi perumahan baharu tersebut bukan sahaja dapat memanjangkan tempoh moratorium, tetapi juga memperkenalkan tempoh moratorium baru iaitu lima tahun bagi perumahan mampu milik milikan kerajaan dan swasta.



JAGDEEP Singh Deo.

Malah, pengenalan skim perkongsian pemilikan (SOS) dan pengenalan semula skim sewa beli mampu memberi kawalan terhadap spekulasi hartanah di Pulau Pinang.

"Pendek kata, polisi perumahan baharu ini mampu mengawal dan menetapkan harga rumah mengikut spesifikasi perumahan iaitu RM42,000 bagi rumah kos rendah dan RM72,500 bagi rumah kos sederhana rendah di Pulau Pinang," jelasnya dalam sidang media baru-baru ini.

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep menjelaskan bahawa isu pemaju Centrio Avenue (Nuwata Sdn. Bhd.) di Bukit Gambir di sini telah hampir selesai apabila 43 daripada 56 kes tertunggak berjaya menemui penyelesaian.

"Dalam mesyuarat minggu lalu, SPEC telah menyatakan akan menyelesaikan baki aduan kes iaitu sebanyak 56 kes.

"Walau bagaimanapun, tiga daripada pembeli tidak berminat akan unit ditawarkan, tidak dapat dihubungi (3), pembeli masih dalam proses perbincangan (6) dan mendapat rawatan di hospital (1), jadi kita tidak dapat berhubung dengannya," jelas beliau.

Sementara itu, mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan pemaju projek Taman Seri Sayang di Balik Pulau untuk mengemukakan laporan pembangunan secara mingguan memandangkan projek berkenaan lewat 14 tahun.

"Kita (SPEC) akan membantu pembeli di Taman Seri Sayang dan saya sendiri akan memantau perkembangan pembangunan projek berkenaan mulai hari ini," tegas beliau sebagai respons terhadap aduan pembeli yang menuntut jawapan daripada pihak pemaju setelah menunggu selama 14 tahun.

# Padam kebakaran hutan mencabar - Farizan



FARIZAN Darus (kanan sekali) mengadakan perbincangan dengan anggota pasukan Bomba dan Penyelamat dalam operasi memadamkan kebakaran hutan di Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**KEBUN BUNGA -** Seramai 20 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal serta Jalan Perak terlibat dalam usaha mengawal kebakaran hutan Bukit Bendera yang dilaporkan di sini baru-baru ini.

Malah, ekoran kesukaran mengesan lokasi kebakaran melalui jalan darat, pihak terbabit terpaksa membuat laluan sendiri untuk ke kawasan kejadian.

Selain penyembur galas yang perlu dipikul sepanjang perjalanan tiga kilometer, teknik pengeboman air menggunakan air laut turut diaplikasikan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Azmi Tammat berkata, sebanyak 20 anggota dikerahkan ke lokasi sejurus selepas panggilan diterima berhubung kejadian tersebut.

"Kami dapati terdapat tiga lokasi utama yang mengalami kebakaran dan pada peringkat awal, pasukan terpaksa membuat laluan sendiri memandangkan lokasi kebakaran begitu sukar dikesan melalui jalan darat.

"Ini ditambah dengan kesukaran menggunakan sebarang kenderaan ke lokasi kebakaran yang memaksa para anggota membawa 'penyembur galas' ke lokasi sejauh tiga kilometer," ujarnya beliau pada siang media di lokasi pemantauan di sini baru-baru ini.

Selain Bukit Bendera, Bukit Gambir dan Bukit FRU turut mengalami kebakaran hutan, namun berjaya dikawal pihak bomba dalam tempoh masa 40 minit pada hari sama.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kar Peng, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.

Tambah Azmi, pihak bomba turut menggunakan sebuah helikopter Unit Udara Bomba (UUB) bagi mengesan lokasi kebakaran sebenar sambil menggunakan asap sebagai panduan ke lokasi.

"Teknik *fire breaker* dengan menggali lubang berhampiran lokasi kebakaran turut digunakan bagi mengelakkan api merebak menyambar ke kawasan hutan yang lain,'' jelasnya.

Menurut beliau, punca kebakaran dipercayai disebabkan cuaca panas dan kering sejak akhir-akhir ini selain tidak menolak kemungkinan ia turut disebabkan faktor-faktor lain.

Dalam pada itu, Farizan memberitahu bahawa sebanyak 6,000 liter air laut bagi setiap sesi diperlukan membabitkan teknik pengeboman menggunakan pesawat milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

"Pesawat ini melakukan sebanyak tujuh pengeboman di empat lokasi berbeza di sekitar kawasan Bukit Bendera.

"Operasi ini dilihat mencabar kerana pengeboman air harus dilakukan dengan cepat iaitu ketika tempoh masa tiada pesawat komersial melalui ruang udara sekitar George Town.

"Malah, kita amat bernasib baik kerana boleh menggunakan sumber air laut yang dekat dengan lokasi kejadian," jelas beliau.

## Harap naik ke Liga Super tanpa 'orang politik'

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH -** Formula tidak melantik 'orang politik' menguruskan persatuan sukan diharap dapat membawa Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) ke Liga Super pada musim depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa merasmikan Kenduri Sepak Raga Tuju Ke-3 Peringkat Parlimen Bagan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Baru Seri Bagan di sini.

"Kejuaraan kita (FAP) dalam Liga FAM antara kerana formula kita membebaskan persatuan sukan daripada orang-orang politik.

"Biarlah orang yang benar-benar pakar dan layak dalam arena sukan memimpin persatuan sukan.

"Kita yakin, kalau tidak menjuarai Liga Perdana pada musim ini pun, kita harap boleh masuk Liga Super pada musim akan datang," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

Ucapan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dibaca bekas Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Farid Md. Arshad.

Hadir sama, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal) serta A. Thanasegaran (ADUN Bagan Dalam).

Dalam perkembangan sama, Guan Eng merakamkan penghargaan atas penganjuran program tahunan tersebut, sejak tahun 2011.



AKSI dua peserta pada penganjuran Kenduri Sepak Raga Tuju Ke-3 Peringkat Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

"Sepak Raga Bulatan atau Sepak Raga Tuju sudah wujud di negara ini sejak 600 tahun dahulu, maka, tentulah ia mempunyai nilai tradisi tersendiri, yang boleh menarik pelancong ke negeri ini bersempena Tahun Melawat Malaysia," ujar beliau.

FAP pada musim lepas dengan slogan 'Haria Penang Haria' telahpun menjuarai Liga FAM, sekaligus, melayakkan skuad Harimau Kumbang itu beraksi dalam Liga Perdana.

FAP mensasarkan kedudukan empat teratas dalam Liga Perdana pada musim ini.

## Cuaca kering – JIMAT AIR!

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng memuji syarikat Osram Opto Semiconductor Sdn. Bhd. (syarikat pembuatan lampu) dan Cradotex (Malaysia) Sdn. Bhd, (penggiat industri gentian kaca) ekoran amalan konsep penjimatan air di syarikat masing-masing di sini baru-baru ini.




KETUA Menteri menyerahkan plak sijik penghargaan kepada salah sebuah syarikat yang mengamalkan konsep penjimatan air pada Majlis Taklimat Aqua Save dan Penyampaian Sijil Penghargaan di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, kedua-dua syarikat terbabit dianugerahkan sijil penghargaan *Aqua Save* dari Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd..

Majlis penyampaian sijil disempurnakan Guan Eng dalam suasana ringkas tapi penuh bermakna.

Menurut Guan Eng, sikap serta amalan syarikat-syarikat berkenaan wajar dipuji memandangkan Pulau Pinang mencatatkan kadar penggunaan air tertinggi dalam negara iaitu mengatasi kadar nasional.

"Kadar penggunaan purata air setiap individu di Pulau Pinang adalah sebanyak 302 liter berbanding kadar nasional, 215 liter.

"Kita (Pulau Pinang) kalau boleh tidak mahu kekalkan rekod ini memandangkan kita (Pulau Pinang) mempunyai sebuah syarikat air paling efisien di negara ini.

"Namun, malangnya kadar penggunaan domestik kita amatlah teruk," tegas beliau pada Majlis Taklimat Aqua Save dan Penyampaian Sijil Penghargaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Perhubungan Korporat PBAPP, Ir. K. Jayabalan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Seru Guan Eng adalah supaya semua pengguna dapat jimatkan bekalan air dalam penggunaan seharian ekoran negara sedang mengalami cuaca panas yang panjang kini.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa tiada sebarang catuan air akan dijalankan memandangkan bekalan air negeri di tiga empangan kini masih mampu menampung penggunaan semasa sehingga penghujung Mac sebelum pertimbangan catuan dilaksanakan kelak.

# Sumber air sungai cukup hadapi kemarau – Exco Pertanian

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Sumber air dari sungai di negeri ini masih cukup untuk rakyat serta sektor pertanian sungguhpun berdepan musim kemarau berpanjangan, dijangka hingga bulan Jun ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bagaimanapun berkata, sektor penanaman padi sedikit terjejas disebabkan musim kemarau lebih dua bulan belakangan ini.

"Ada sedikit terjejas pada sektor padi disebabkan sistem pengairan kita, tetapi, sungai-sungai kita mampu membekalkan air yang cukup untuk rakyat dan sektor pertanian.

"Sebenarnya negeri ini sendiri lebih bergantung pada sumber air sungai, berbanding hujan," jelas beliau pada satu sidang media Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Dana Jabatan Veterinar Negeri (DVS) Kepada Penternak dan Pengusaha Industri Asas Ternakan (IATn) yang layak di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Pengarah DVS Malaysia, Datuk Dr. Abd. Aziz Jamaluddin dan Dr. Johari A. Bakar (Pengarah DVS Pulau Pinang) turut menyertai sidang media itu.

Dalam perkembangan sama, Afif berkata, pihaknya sedang meneliti prospek sektor sarang burung walit untuk dikembangkan, walaupun Kerajaan Negeri sebelum ini pernah memindahkan banyak rumah habitat tersebut di sekitar George Town demi memenuhi spesifikasi bandar tapak warisan dunia UNESCO.

Hasrat terbaru Kerajaan Negeri ini, katanya, sebagai reaksi pada ketetapan China mulai tahun ini menarik balik sekatan sarang burung walit yang diproses dari Malaysia sejak tahun 2011, setelah yakin dengan pematuhan piawaian ditetapkan pihak berkuasa negara itu.

Difahamkan, terdapat hanya satu loji memproses sarang burung walit di Pulau Pinang, walaupun kira-kira 200 rumah habitat itu dikesan beroperasi di negeri ini.

"Setakat ini, (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) YB Chow (Kon Yeow) telah melakukan yang terbaik untuk memindah semua rumah burung walit dengan memelihara habitat tersebut," jelas Afif menjawab soalan wartawan.

Sebelum itu, Afif menyampaikan sumbangan bantuan dana DVS kepada penternak dan pengusaha IATn yang layak, serentak dengan majlis persaraan Dr. Abd. Aziz.

Daripada keseluruhan RM2.79 juta peruntukan DVS bagi tahun 2013, Afif berkata, sebanyak RM830,000 diagihkan kepada peserta IATn yang layak.

Itu, tidak termasuk keseluruhan RM2.708 juta peruntukan DVS bagi tahun ini, dengan RM1.2 juta diagihkan kepada peserta IATn yang layak.

Tambah Afif, DVS negeri pada tahun ini turut memperuntukkan RM657,000 untuk pelaksanaan projek-projek pengawalan pencemaran veterinar, manakala, RM543,000 lain diperuntukan untuk pelaksanaan projek kesihatan dan kebajikan haiwan.

Nilai Hasil Ternakan Tahunan (NHT) negeri sejak tahun 2013 dianggarkan kira-kira RM770 juta berbanding RM750 juta pada dua tahun berikutnya, dengan ternakan ayam dan khinzir berjaya dikekalkan pada tahap pengeluaran sara diri.




**DR. Afif Bahardin menunjukkan replika cek diserahkan kepada wakil Bahagian Kesihatan Veterinar pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Dana DVS Kepada Penternak dan Pengusaha IATn di sini baru-baru ini.**

## *Pallada* dibuka untuk pengunjung

**UNIK & KLASIK...** Buat kali kedua, kapal latihan, *Pallada* dari Rusia berlabuh di Jeti Swettenham di sini dan dibuka kepada pelawat bermula 27 hingga 29 Mac ini.

Menurut Kapten Kapal, Nikolay Zorchenko, kunjungan ke negeri ini adalah bersempena sambutan ulang tahun ke-100 tragedi kapal Rusia, *Zhemchuk* yang karam ketika Perang Dunia Pertama dan mengorbankan 89 anak-anak kapal.

"Selain lawatan ringkas, kadet-kadet kapal latihan ini turut berpeluang mengenali sejarah dan budaya Rusia serta Pulau Pinang yang terjalin sebelum ini," katanya ketika menyambut rombongan lawatan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Kapal *Pallada* lazimnya memiliki ciri-ciri unik dan klasik yang ditampilkan melalui seni bina tiang layarnya.




**REKA bentuk kapal Pallada yang berlabuh di Jeti Swettenham di sini.**

## Lima unit lampu terangi kawasan perkuburan



**MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian wakil-wakil agensi kerajaan dan persatuan penduduk yang terlibat dalam program gotong-royong di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG** – Hasil maklum balas umum, lima unit tiang lampu bakal dipasang di kawasan Tanah Perkuburan Islam Qariah Bayan Baru bersebelah Dewan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Bukit Gedung di sini.

Kemudahan tersebut adalah hasil inisiatif khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Turut terlibat adalah Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Mohd. Rashid ketika ditemui berkata, usaha tersebut diambil bagi memastikan keselesaan dan keselamatan rakyat selaras dengan cogan kata Kerajaan Negeri iaitu Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Bukan itu sahaja, ia juga memudahkan pengurusan jenazah di sini andai kata ada yang perlu dikebumikan pada waktu malam.

"Diharap masyarakat di sini dapat memanfaatkan sepenuhnya pemasangan lima unit lampu jalan di kawasan ini," jelasnya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan program gotong-royong anjuran bersama pejabatnya dengan Jawatankuasa Qaryah Masjid Umar ibn al-Khattab, Bayan Baru di Bukit Gedung.

# Gotong-royong serentak basmi aedes

**BATU LANCHANG –** Program gotong-royong secara besar-besaran di 47 lokaliti seluruh negeri Pulau Pinang diadakan serentak bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes dan seterusnya membanteras penyakit demam denggi di sini baru-baru ini.

Program gotong-royong di bawah program Penang Sihat tersebut adalah anjuran Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dengan kerjasama erat Kerajaan Negeri dan agensi-agensi terlibat.

Afif berkata, walaupun pelbagai usaha dijalankan, namun segalanya akan sia-sia sekiranya tidak mendapat maklum balas daripada komuniti.

"Komuniti perlu sama-sama menjaga kawasan sekitar.

"Kebertanggungjawaban ini perlu untuk mengekang tempat-tempat sensitif pembiakan nyamuk aedes terutamanya mengawal vektor pembawa virus denggi iaitu nyamuk aedes," ujarnya pada program Gotong-Royong di Taman Hijau di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri ditemani Dr. Afif Bahardin (berdiri, empat dari kanan) memeriksa tempat takungan air pada program gotong-royong secara besar-besaran di Taman Hijau di sini baru-baru ini.**

Hadir merasmikan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang.

Dalam pada itu, Afif menambah, sehingga Februari lalu, Jabatan Kesihatan Negeri telah memeriksa 82,627 rumah, kedai, tapak pembinaan, sekolah, kilang, pejabat kerajaan dan swasta, projek rumah terbengkalai, tempat ibadat, tanah perkuburan, tempat pembuangan sampah serta tanah lapang.

"Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 2,062 premis didapati positif tempat pembiakan aedes, di'*abate*' (23,753), di'*fogging*' (247,897), diberikan notis (86) dan 199 premis dikenakan kompaun (199)," tegas beliau.

## Jaga kebersihan, waspada denggi

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kes denggi di Pulau Pinang mencatatkan peningkatan sehingga 189 peratus dalam tempoh lapan minggu tahun ini berbanding 130 kes dilaporkan bagi tempoh sama tahun lalu.



**MUHAMMAD Yusoff Wazir (kanan) dan Dr. Noorlia Yahaya menunjukkan carta Indeks Pembiakan Aedes pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir berkata, sebanyak 376 kes denggi dilaporkan dalam tempoh bermula 1 Januari sehingga 22 Februari tahun ini dengan peningkatan sebanyak 246 kes berbanding tempoh sama tahun lalu (2013).

Jelasnya, terdapat empat lokaliti denggi dikategorikan sebagai wabak terkawal iaitu dua kes dilaporkan di Jalan Seang Tek, Daerah Timur Laut, Taman Seri Impian dan Kampung Berapit, Seberang Perai Tengah (masing-masing 5 dan 7) dan Taman Molek, Seberang Perai Utara (2).

Tambah beliau, tiga kematian denggi turut dilaporkan sehingga minggu ke-lapan (tahun ini) berbanding tiada kematian direkodkan bagi tempoh yang sama tahun 2013.

"Orang ramai diminta supaya terus mengambil langkah berjaga-jaga dengan melakukan pemeriksaan dalam rumah dan kawasan sekitar, menjalankan gotong-royong, menggunakan '*repellent*' atau semburan aerosol serta segera mendapatkan rawatan jika mengalami tanda-tanda awal demam denggi," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (Unit Vektor), Dr. Noorlia Yahaya berkata, peningkatan kes denggi di Pulau Pinang, malah seluruh negara adalah disebabkan banyak faktor dan keadaan cuaca yang ketara merupakan penyumbang penularan utama.

"Selain itu, sikap kebanyakan mangsa denggi yang lambat mendapatkan rawatan turut menjadi faktor penyumbang peningkatan kes ini," ujar Noorlia.

Beliau turut menegaskan bahawa pihaknya kini sedang giat menjalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah termasuk kedai-kedai makan, taman-taman awam, kemudahan kesihatan, tapak pembinaan dan kawasan pembinaan terbengkalai.

"Sehingga kini, sejumlah 82,627 pemeriksaan telah dijalankan dan 199 telah menerima kompaun, menerima notis amaran (86) dan premis diarahkan tutup serta-merta (5)," jelas Noorlia yang turut menasihati orang ramai supaya menjaga kebersihan kediaman masing-masing.

## Isu bekalan kupon parkir – MPPP perlu sedia laporan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) diminta menyediakan laporan berhubung isu kekurangan stok bekalan kupon parkir oleh kontraktor dilantik baru-baru ini bagi pembentangan mesyuarat Exco di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pihak Majlis (MPPP) perlu menyediakan satu laporan kertas kerja terperinci berhubung kejadian tersebut.

"Setelah stok bekalan ditangani sepenuhnya, Majlis perlu mengemukakan laporan kepada Exco secara terperinci berhubung pemilihan syarikat konsensi ini dan sebab mengapa perkara seperti ini boleh berlaku.

"Pada masa sama, Majlis juga perlu menentukan sama ada syarikat konsensi terbabit masih mampu melaksanakan pembekalan kupon ataupun tidak," ujarnya pada penganjuran program gotong-royong bersama kakitangan Hotel Eastin di Bayan Baru baru-baru ini di sini.

Terdahulu Kon Yeow merasmikan program tersebut dan turut serta bersama-sama 60 kakitangan Hotel Eastin pada program gotong-royong tahunan berkenaan.

Sebelum ini, MPPP terpaksa memberhentikan buat sementara waktu sistem parkir berkupon yang telah dikuatkuasakan ekoran kegagalan kontraktor dipilih mencetak bekalan pada jumlah mencukupi.

Tambah Kon Yeow, MPPP tidak menangung sebarang kerugian ekoran kejadian itu, tetapi ianya sedikit sebanyak menjejaskan imej dan reputasi Majlis.

"Kesilapan ini membongkar kelemahan dan pemantauan dalaman. Ini kerana proses untuk melaksanakan sistem parkir berkupon ini mengambil masa yang agak lama (dua tahun) untuk diimplementasikan, sepatutnya tiada masalah yang timbul.

"Walau bagaimanapun, diharap kepimpinan MPPP memberi perhatian serius terhadap masalah ini.

"Jika, kesalahan tersebut didapati amat serius, kita bersedia untuk menamatkan dan mengambil alih kutipan bayaran parkir ini," tegas Kon Yeow.



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama kakitangan Hotel Eastin mengalihkan pelepah kelapa pada program gotong-royong tahunan di sini baru-baru ini.**

# YMA2U ketengah bakat anak muda tanpa sempadan



(Dari kiri), WONG Hon Wai, Haryani Mohamad, Chow Kon Yeow dan Shuryati Shuaib meneliti salah satu hasil karya dipamerkan pada *YMA2U New Object(ion) II* di Lembaga Muzium & Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di sini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Sifat artis muda kini yang bijak meneroka, memanipulasi dan mengekspresikan ruang serta bahan untuk menghasilkan sesuatu merupakan intipati inspirasi serta ilham untuk menghasilkan karya yang lebih dinamik pada masa hadapan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika merasmikan *Young Malaysian Artis (YMA2U) New Object(ion) II* di Lembaga Muzium & Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang, Jalan Macalister baru-baru ini di sini.

Kata beliau, semua pihak berhak mengkritik atau mentafsir setiap maksud mengikut pendapat serta pandangan masing-masing.

"Seni adalah sesuatu yang universal dan ianya adalah wadah kepada generasi muda untuk eksperisikan seni mereka tanpa sempadan.

"Justeru, sesiapa saja berhak mentafsir dan menilai setiap maksud yang tersirat di sebalik sesebuah seni itu," ujar Kon Yeow.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Muzium & Balai Seni Lukis, Wong Hon Wai, Kurator Muzium Negeri, Haryani Mohamad dan Pengurus Galeri PETRONAS, Shuryati Datuk Shuaib.

Kira-kira 20 karya seni dihasilkan anak muda tempatan dibawakan khas oleh Galeri PETRONAS sempena pameran yang berlangsung sehingga 23 Mac ini.

Buat salah seorang penggiat seni, Shahariah Mohamed Roshdi yang mengeksperisikan seninya melalui elemen mikroorganisma dan fungus bertajuk, 'Hargai sesuatu yang kecil' menyatakan bahawa seni adalah sesuatu yang menjangkaui pemikiran manusia.

"Seni adalah universal dan tidak terjangkau dek pemikiran manusia.Ia boleh jadi apa-apa saja yang terlintas di fikiran masing-masing.

"Buat yang cintakan seni, kesabaran adalah elemen utama untuk menghasilkan sesuatu yang orang tak pernah terfikir," ujar beliau.

## ADUN harap 'pulau' rumpai laut keluar dari pelan pembangunan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



JENIS -jenis rumpai laut yang diperoleh hasil lawatan khas ke petengahan laut Persiaran IJM, Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga berharap kawasan diwartakan sebagai tanah tebus guna bermula dari pertengahan laut Persiaran IJM, Sungai Pinang hingga Jambatan Pulau Pinang di sini dikeluarkan daripada pelan pembangunan bagi memelihara hidupan rumpai laut yang subur di kawasan seluas 50 hektar terbabit.

Menurut ADUN terbabit, Teh Yee Cheu, kawasan 'pulau' terbabit ditumbuhi dengan empat jenis rumpai laut iaitu dari spesis *Hamlophilia, Enhalus* dan dua spesis lain (belum dikenal pasti) perlu dipelihara ekoran fungsinya sebagai 'paru-paru hijau' kepada hidupan laut di sini.

"Tanah ini sebenarnya telah diwartakan untuk ditebus guna sejak 2007 lagi.

"Pada sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) lalu, saya ada menggesa Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan lanjut dengan mengeluarkan kawasan ini daripada pelan pembangunan bagi mengekalkan ekosistem marin di sini," ujarnya pada sidang media selepas mengadakan lawatan khas bersama media ke lokasi berkenaan di sini baru-baru ini.

Selain kawasan tersebut, habitat rumpai laut terbabit turut wujud secara semulajadi di Pulau Gazumbo - nama tidak rasmi pulau kecil terletak berhampiran Jambatan Pulau Pinang.

Hadir sama, Speaker DUN merangkap ADUN Bukit Tambun, Datuk Law Choo Kiang.

Menurut Choo Kiang, rentetan dari isu dibangkitkan Yee Cheu pada persidangan DUN lalu, beliau berkenan untuk melihat sendiri kawasan rumpai laut berkenaan.

"Perkara ini dibangkitkan pada sesi DUN lalu dan hari ini, saya dijemput beliau (Yee Cheu) bagi melihat sendiri kawasan ekosistem terbabit bagi mendapatkan gambaran lebih jelas," nyatanya.

## Menderma jayakan projek *Tech-Dome Penang*



YAP Soo Huey menunjukkan gambar Dewan Tunku pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Penang Tech Centre Berhad (PTCB), sebuah syarikat yang ditubuhkan bagi menjayakan misi penubuhan pusat sains di negeri ini menyeru semua pihak untuk turut sama menjayakan projek *Tech-Dome Penang* (TDC) berlokasi di Dewan Tunku atau Dome, Komtar di sini.

Pengarah projek yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, projek bernilai RM23 juta tersebut lazimnya memerlukan suntikan dana yang banyak.

"Daripada jumlah tersebut, RM10juta akan digunakan untuk bahan-bahan pameran, pembinaan serta ubahsuai (RM12juta) dan operasi (RM1 juta).

"Setakat ini, kami melalui PTCB telah menerima bantuan bernilai RM4.8 juta daripada pihak swasta dan Kerajaan Negeri (RM1.15 juta)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Selain menggalakkan penglibatan dalam bidang sains, TDC juga menjadi sebahagian mercu tanda Pulau Pinang.

Tambah Soo Huey, misi pembinaan TDC ini antaranya adalah untuk menjadikan generasi kanak-kanak kini sebagai pelopor kepada bidang sains dan teknologi, memupuk semangat cintakan bidang sains, berjalan seiring dengan kemajuan teknologi dunia serta menggabungkan teknologi, industri serta manusia.

"Hasil kajian dikemukakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), penglibatan warga Malaysia dalam bidang sains adalah hanya sekitar 37.7 peratus sahaja," jelas beliau.

Bagi yang berminat untuk memberi sumbangan, layari laman sesawang, *www.techdomepenang.org* atau hubungi PTCH di talian 016 - 466 6655 untuk menderma secara individu, korporat atau lain-lain. Setiap sumbangan bakal mendapat pengecualian cukai.

# Tidak proses elaun JKKK kurang anggota - Rashid

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI –** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menyarankan semua 290 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) negeri ini supaya melengkapkan keanggotaan masing-masing pada bulan ini agar pertubuhan berkenaan kelihatan lebih aktif dalam mewakili suara Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi.

Saranan itu dibuat bersempena dengan peluncuran buku Manual Gerak Kerja JKKK cetakan kedua pada Forum Hak Asasi Manusia: Polis & Hak Asasi Anda anjuran pejabat beliau di sini.

Menurut Mohd. Rashid, sehingga kini, terdapat 110 JKKK yang sudah memenuhi jumlah keanggotaan, manakala 25 JKKK lagi masih tidak mencapai keanggotaan minimum sebanyak tujuh ahli.

"Sejajar dengan kenaikan elaun Pengerusi dan Setiausaha diumumkan semasa pembentangan Bajet 2014 November tahun lalu (2013), Kerajaan Negeri memperkenalkan peraturan ini bagi memantapkan perkhidmatan JKKK," katanya.

Tegas beliau, kegagalan memenuhi tuntutan ditetapkan akan mengakibatkan tuntutan elaun bagi Pengerusi, Setiausaha dan ahli yang menghadiri mesyuarat tidak akan diproses.

"Bayaran elaun hanya akan dibuat kepada JKKK yang sudah memenuhi keanggotaan sebanyak lapan ahli dan ke atas.

"Manakala, bayaran elaun bagi JKKK yang kurang aktif dengan tujuh ahli ke bawah akan ditangguhkan sehingga memenuhi jumlah keanggotaan minimum seramai lapan orang," ujar beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid turut mengingatkan supaya JKKK lebih proaktif untuk menjana sumber kewangan masing-masing sama ada dari segi penganjuran pasar malam atau melalui perniagaan-perniagaan lain.



**MOHD. Rashid Hasnon (kiri sekali) ditemani Lim Hock Seng (dua dari kanan), Lee Khai Loon (kanan sekali) dan Abu Jamal Nordin (dua dari kiri) menunjukkan Manual Gerak Kerja JKKK pada majlis peluncuran buku itu di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Machang Bubuk) dan Datuk Abu Jamal Nordin (Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Kerajaan Negeri).

Buku Manual Gerak Kerja JKKK yang diluncurkan tersebut merupakan edisi penambahbaikan bagi memenuhi kehendak semasa termasuk contoh format laporan kewangan rujukan bagi penyediaan laporan lebih teratur.

# Bantuan kewangan tahunan sekolah Tamil diteruskan



**SEBAHAGIAN wakil sekolah-sekolah bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan dif-dif kehormat sejurus selesai Majlis Penyampaian *'Mock Cheque'* Sekolah-sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kerajaan Negeri pada tahun ini (2014) turut memperuntukkan bantuan kewangan berjumlah RM1.75 juta kepada 28 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) bagi tujuan pembangunan institusi-institusi pembelajaran berkenaan di sini.

Timbalan Ketua Menteri II yang juga merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Dr. P. Ramasamy berkata, inisiatif tersebut telah dimulakan sejak tahun 2009 lagi.

"Tahun ini merupakan tahun ke-enam Kerajaan Negeri menyampaikan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang.

"Diharap ia dapat membantu proses sistem pembelajaran dan pelajaran (P&P) pelajar serta guru-guru di sekolah-sekolah berkenaan sekaligus memartabatkan sekolah-sekolah Tamil setaraf dengan pendidikan sedia ada di negara ini," ucapnya pada Majlis Penyampaian *'Mock Cheque'* Sekolah-sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. K. Anbalakan.

Tambah Ramasamy, beliau berharap prestasi cemerlang ditonjolkan melalui pencapaian dalam peperiksaan awam negara ini dapat membuka mata segelintir pihak yang sering memandang serong terhadap sistem P&P sekolah-sekolah Tamil.

"Kerajaan Negeri bersedia menghulurkan bantuan sama ada dari segi kemudahan infrastruktur mahupun penyediaan kemudahan fizikal.

"Diharap Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil dapat membantu kita (Kerajaan Negeri) memantau keadaan di sekolah-sekolah ini (Tamil) dan laporkan sebarang bantuan diperlukan kepada kita," ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa beliau akan terus membuat rayuan kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Y.A.B. Tan Sri Datuk Muhyidin Yassin berhubung permohonan membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil (SMJKT) pertama dalam negara di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri akan terus berusaha bagi membolehkan pelajar-pelajar sekolah rendah Tamil terus menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar ke peringkat sekolah menengah.

"Kita harap tidak akan timbul diskriminasi memandangkan Kerajaan Negeri bersedia menyediakan tanah yang bersesuaian di Butterworth bagi tujuan tersebut," kata Guan Eng.

# Pengarah JPBD naik pangkat bertukar ke Putrajaya



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Zainuddin Ahamad pada majlis sidang media pengumuman pertukaran beliau di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Pulau Pinang, Zainuddin Ahamad dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah II Ibu Pejabat JPBD Semenanjung Malaysia, Putrajaya berkuatkuasa 4 Mac lalu.

Beliau yang menjawat jawatan sebagai Jusa C dinaikkan pangkat ke Jusa B.

Pertukaran beliau diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada beliau atas perkhidmatan cemerlang sepanjang bertugas sebagai Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang," ucap Guan Eng.

# Taman Lalulintas bekal kemudahan wifi percuma



KEADAAN Taman Lalulintas yang siap dinaiktaraf.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Suasana hijau, lokasi strategik dan kepelbagaian kemudahan riadah serta rekreasi disediakan menjadi tarikan utama 'wajah baru' Taman Lalulintas yang terletak di Lebuhraya Bodhi di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, penambahbaikan Taman Lalulintas tersebut dibuat demi keselesaan dan keselamatan pengguna terutama kanak-kanak serta warga emas yang datang ke taman berkenaan untuk bersenam mahupun beriadah.

Beliau berkata, Taman Lalulintas ini telah wujud sejak tahun 1940-an lagi. Walau bagaimanapun, disebabkan kurangnya kawal selia taman berkenaan dibiarkan usang.

"Oleh demikian, hari ini, kita (Majlis Perbandaran Pulau Pinang – MPPP dan Kerajaan Negeri) mengambil inisiatif membangunkan semula taman ini dengan menambahbaik pondok rehat, taman *tai chi,* kerusi rehat dan kemudahan senaman dengan kos keseluruhan RM93,000.

"Ini termasuk meletakkan papan tanda, pemasangan lampu, penurapan semula jalan dan pengindahan kawasan sekitar taman ini supaya ia lebih bersih, hijau dan selamat," katanya ketika mengadakan lawatan ke taman berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama dalam lawatan tersebut, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik.

Menurut Lai Heng, selain mempunyai laluan berbasikal dan joging serta kemudahan wifi percuma, taman tersebut turut menyediakan ruangan bagi kanak-kanak yang ingin mempelajari undang-undang asas jalanraya.

"Taman Lalulintas ini sangat sesuai untuk kanak-kanak yang ingin mempelajari undang-undang asas jalanraya dan ianya amat baik untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap peraturan di jalanraya," jelas beliau.



**TEH Lai Heng (kanan) dan Ng Wei Aik menunjukkan gajet mudah alih yang dapat mengakses kemudahan wifi percuma di Taman Lalulintas dekat sini baru-baru ini.**

# Kebebasan sebagai nilai Islam

**UCAPAN pembukaan oleh Dr. Afif Bahardin, ADUN Seberang Jaya dan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Forum '*Is Liberty an Islamic Value?*' bersama Mustafa Akyol, anjuran *Penang Institute* pada 18 Febuari 2014, Wawasan Open Universiti, George Town.**

*Tidak ada paksaan dalam agama, kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran dari kesesatan. Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

*- Al Baqarah ayat 256*

Saya mulakan dengan ayat pencerahan daripada kitab suci Al-Quran; dari firman Allah ini, seperti yang diwahyukan melalui Muhammad saw, Islam terbukti sebagai agama pembebasan. Agama untuk membebaskan dan memerdekakan kemanusiaan, menjadi العالمين رحمة - Rahmat sekelian alam.

Di dalam buku *On Liberty* - John Stuart Mill adalah yang pertama mengenal pasti perbezaan makna kepada kebebasan - kebebasan sebagai bebas untuk bertindak atau kebebasan sebagai tiadanya paksaan. Isaiah Berlin di dalam *Two Concepts of Liberty;* secara asasnya membahagikan kedua makna kebebasan ini kepada : kebebasan positif dan kebebasan negatif. Prinsip paling asas ini, masih lagi dibahaskan, diperbincangkan dan disebarkan secara luas merentasi abad sehingga ke hari ini.

Saya sendiri sebagai seorang liberal (dalam acuan Friedrich Hayek), sering menghadapi situasi yang sukar dan pertimbangan politik yang payah. Ianya adalah hasrat dan juga perjuangan saya sepenuh hati untuk menerapkan dan menggabungkan nilai - nilai kebebasan dan merdeka di dalam fahaman politik utama negara ini. Kita wajib sungguh - sungguh renungkan untuk mewujudkan satu keseimbangan, satu makna ketiga - makna yang dapat dipisahkan dari dua makna kebebasan yang dicadangkan oleh Isaiah Berlin. Kita harus bertanya, apakah memadai untuk membataskan makna kebebasan itu hanya sekadar kepada kebebasan positif dan kebebasan negatif.

Kendatipun, satu matlamat yang dapat kita persetujui adalah - hasrat setiap insan untuk bebas dan memiliki hidup yang bermaruah adalah sesuatu yang universal. Sama juga kebencian kita terhadap kezaliman dan penindasan. Ini adalah keghairahan yang bukan saja mendorong Muslim tetapi juga insan lain dari setiap ketamadunan. Ia bukanlah Timur, mahupun Barat; Islam atau Kristian atau Yahudi. Ia adalah satu hasrat universal. Ia adalah tuntutan moral buat jiwa saya.

Dalam lipatan sejarah, laungan keramat para pejuang kebebasan, bapa - bapa pengasas dan penuntut kemerdekaan adalah - kebebasan, keadilan; bergema sepanjang zaman dan ketika. Dari Sun Yat Sen di China kepada Sukarno Hatta di Indonesia, Jose Rizal di Filipina kepada Ali Jinnah di India dan ratusan lagi di Timur Tengah, sumpah keramat mereka adalah untuk menubuhkan sebuah negara yang merdeka, bebas dan demokratik.

Bahkan di kalangan Muslim juga, kebebasan diambil kira sebagai salah satu matlamat utama undang - undang suci *(divine law)*, iaitu *Maqasid Shariah,* bergemuruh di kalangan masyarakat, memberi makna kepada tuntutan moral di mana terbinanya institusi demokrasi, keadilan dan masyarakat sivik. Ini juga termasuk kebebasan kesedaran, kebebasan bersuara - menentang kezaliman, panggilan untuk reformasi dan hak ke atas harta.

Di awal abad ke 20, gelombang kebebasan melanda dunia Muslim, bermula dengan Revolusi Arab dari 1916-1918, merdeka dari Empayar Ottoman yang di hujung hayatnya, berlanjutan sehingga selepas Perang Dunia Kedua - negara Muslim, satu persatu, memerdekakan diri mereka dari cengkaman penjajah kolonial. Algeria daripada Perancis, Indonesia daripada Belanda, Libya daripada Itali, Malaysia dan banyak lagi daripada British. Terlalu banyak untuk disebut.



**DR. Afif Bahardin.**

Abad ke 20, untuk Muslim, adalah satu kurun yang penuh pengharapan. Malangnya, ia juga adalah satu kurun pengkhianatan. Harapan besar dari kurun itu hasil daripada kemerdekaan nasional dengan janji kebebasan, hak dan peluang saksama, demokrasi dan keadilan sosial. Sebagai contoh; di negara ini, Malaysia, apabila kemerdekaan dicapai pada 1957, ia dinyatakan di dalam Pemashyuran Kemerdekaan, seperti yang diproklamasi Tunku Abdul Rahman - bahawa negara baru berdaulat ini dibina di atas prinsip keadilan dan kebebasan. Malangnya, prinsip keadilan dan kebebasan ini telah dilupakan dan fasal - fasal kebebasan asasi termaktub di dalam perlembagaan terus - terusan dicabuli dan dikhinati oleh elit pemerintah. Hingga ke hari ini, ideal untuk satu kerajaan dengan tatakelola baik dan demokratik masih belum tercapai.

Pulau Pinang, dikenali juga Pulau Mutiara - menjadi pusat bertemunya Timur dan Barat; waima di dalam perdagangan, budaya, makanan dan senibina bahkan, Pulau Pinang menjadi pusat kepada perkembangan dan gerakan intelektual di Nusantara. Gerakan intelektual yang dipengaruhi idea reformis Islam seperti Muhamad Abduh, Jamaludin Al-Afghani dan Rashid Rida, meninggalkan kesan yang cukup mendalam kepada reformis awal rantau ini seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaludin, Syed Sheikh Ahmad Al Hadi, Sheikh Mohamad Salim Al-Kalali dan Haji Abbas Mohd Taha. Penerbitan Idaran Zaman dan Saudara, berpusat di Pulau Pinang, asas kepada penyebaran idea liberal di kalangan ummah.

Pulau Pinang juga menjadi pangkalan kepada Dr Sun Yat Sen dan para komrad di dalam Revolusi Cina; menjayakan kepada tertubuhnya republik pertama di Asia. Di Pulau Pinang adalah tempat Dr Sun menganjurkan Persidangan Pulau Pinang untuk merancang Kebangkitan Kanton di Guangzhou. Ianya di dalam rumah kedai dua tingkat di Jalan Armenian, menjadi ibu pejabat parti politik Dr Sun - Tongmenghui dan disitu juga Kwong Wah Jit Poh, salah satu suratkhabar berbahasa Cina tertua di dunia dimulakan oleh Dr Sun dan penyokong beliau di Pulau Pinang. Sehingga ke hari ini, Kwong Wah Jit Poh masih wujud dan dalam penerbitan.

Di Pulau Pinang, hasil interaksi yang berterusan, menjadi satu lumrah kehidupan, di antara Melayu, Cina, India, Siam, Burma, Ceylon, Filipina, Eurasia, Jepun, Sumatera, Arab, Armenia dan bahkan Yahudi - telah menghasilkan satu adunan budaya, makanan, senibina dan satu kesefahaman serta hormat - menghormati menerima perbezaaan etnik dan agama sesama manusia. Hasil kerencaman dan kepelbagaian yang dianuti oleh rakyat Pulau Pinang, kami dirahmati dan diberkati kerana hidup di dalam masyarakat plural yang harmoni.

Saya berdoa kepada Allah, agar kita semua terus diberkati dan dirahmatiNya. Akhir artikel ini; saya ingin memetik kata - kata pujangga dan negarawan Ireland; Sir Edmund Burke :

*"Apabila terjadinya pemisahan di antara kebebasan dan keadilan, pada pandangan saya, tiada antara duanya selamat".*

29th World Championship




# CHAMPIONSHIP

## Kejohanan Skuasy Wanita Dunia




# upacara PEMBUKAAN RASMI

**18 Mac 2014 di Arena SPICE**

Dibawakan kepada anda oleh

Dianjurkan oleh NUSMETRO

Tempat rasmi SETIA SPICE

Hotel rasmi EASTIN HOTEL PENANG

simply the best

# Jalan keselamatan bagi Muslim

**ISLAM** dan kebebasan adalah dua kata yang tidak terpisahkan, meskipun kesimpulan ini tidak begitu nyata berdasarkan kelakuan ramai Muslim di serata dunia, khususnya mereka yang menguar-uarkan diri sebagai pejuang agama.

Apabila Nabi Muhammad memperkenalkan Islam pada abad ke-7, baginda bukan sahaja membawa kepercayaan baru. Malah baginda menggerakkan reformasi moral dan sosial yang menyeluruh dalam masyarakat Arab. Kedatangan Islam pada ketika itu umpama cahaya yang menyalakan kegelapan penghambaan, pembunuhan anak perempuan serta ketidakadilan sosial.

Pada kemuncak Zaman Kegemilangan Islam dari abad ke-8 hingga 13, dunia Arab berubah daripada masyarakat yang buta huruf dan sering berperang menjadi masyarakat yang mencapai kemasyhuran dalam bidang matematik, sains hayat, falsafah dan budaya.

Sifat utama zaman itu adalah keterangkuman, sepertimana dilambangkan dalam penubuhan Baitul-Hikmat di Baghdad, di mana cendekia tidak kira Muslim atau bukan Muslim berkumpul untuk bertukar pendapat dan menimba ilmu. Dengan seruan ijtihad sebagai pedoman, matlamat kesarjanaan pada waktu itu adalah perkembangan dan keterangkuman, bukan pengunduran dan pemulauan. Tidak ada usaha untuk menidakkan ilmu tamadun lain, atau melabelkan sesuatu ilmu sebagai kepunyaan Islam semata-mata dan tidak boleh digunakan oleh bukan Muslim. Sebaliknya, ilmu dipupuk, dikumpul dan dikongsi bersama.

Malangnya, tamadun Islam sudah jauh kecundang. Kini, negara Islam di serata dunia sering dikaitkan dengan rejim autoritarian, kesenjangan pendapatan yang meluas serta penindasan hak asasi dan kebebasan awam – sesuatu yang sungguh ironis memandangkan Islam itu agama yang menjanjikan kebebasan dan pencerahan.

**Pemikiran Melayu-Islam progresif**

Di negara kita, wacana Islam kontemporari tampak lebih dikuasai oleh suara lantang seperti Harussani dan Ridhuan Tee. Namun begitu, sikap jumud dan agresif mereka sebenarnya mengaburi sejarah kita yang penuh dengan pejuang kebebasan dan pemikir Muslim yang hebat.

Pada saat negara kita kalut dengan polemik kalimah Allah dan masyarakat senantiasa dimomokkan dengan ancaman Kristian, tidak ramai yang sedar bahawa terjemahan The New Testament dalam bahasa Melayu bukanlah perkara baru tetapi sesuatu yang sudah wujud sejak tahun 1800an lagi.

Malahan, antara terjemahan Bible dalam bahasa Melayu yang pertama, yang dinamakan penulisnya sebagai Kitab Injil al-Kudus, telah dibuat oleh Bapa Kesusasteraan Melayu Moden, iaitu Abdullah Abdul Kadir yang lebih dikenali sebagai Munshi Abdullah. Jika beliau menerbitkan buku itu pada hari ini, sudah tentu beliau akan difatwakan sebagai murtad, menjadi mangsa demonstrasi Perkasa, dikecam sebagai pengikut DAP dan didakwa dengan akta hasutan.

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Hakikatnya, Munshi Abdullah bukan sahaja membaca Bible, beliau telah menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Bagaimanapun, beliau tidak hilang keyakinannya atau menyebabkan orang murtad secara beramai-ramai, sepertimana yang dikhuatiri pihak berkuasa pada hari ini. Sebaliknya, Munshi Abdullah merupakan seorang pemikir Muslim yang utuh akidahnya, berwawasan jauh serta berani menongkah arus sosial sedia ada.

Dalam nukilannya, beliau sering merayu agar rakyat jelata membuang ketaksuban mereka terhadap golongan bangsawan yang sekian lama menindas mereka. Dalam Hikayat Pelayaran Abdullah, sebagai contoh, beliau menulis: "Apabila seseorang itu dijadikan Allah ia raja, bukan untuk memuaskan nafsunya dan berbini 10 atau 20 atau mencari harta dan membunuh orang dengan aniayanya, melainkan disuruh Allah memelihara..."

Munshi Abdullah berpendapat bahawa masyarakat Melayu tidak boleh maju melainkan mereka menganuti nilai moden serta berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar (tiada percanggahan yang dilihatnya dalam usaha ini). Lebih penting lagi, masyarakat Melayu juga hendaklah melepaskan diri daripada cengkaman feudalisme yang tidak rasional.

Pada ketika itu, Munshi Abdullah boleh dikatakan mendahului zamannya. Dua ratus tahun kemudian, di negara Malaysia yang merdeka dan moden, beliau masih lagi boleh dikatakan jauh mendahului zaman.

Seorang lagi pemikir Melayu yang bersemangat reformasi adalah Pendeta Za'aba (nama sebenar Zainal Abidin Ahmad). Dalam karyanya, Za'aba suka mengangkat tema kebebasan. Sebagai contoh, dalam rencana Jalan Keselamatan Bagi orang Melayu, Za'aba menegaskan bahawa "keselamatan orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai yang kekurangan itu boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu diubati kemiskinannya yang pada pihak otak itu – yakni kemiskinan pengetahuannya – dengan jalan diberi mereka itu pelajaran daripada jenis yang betul. Maka di situlah, dan di situlah sahaja boleh didapati keselamatan ini, tiada pada lainnya."

Zaa'ba dengan cermat menghubungkan kemiskinan dengan kemampuan untuk menggunakan akal. Oleh itu, satu-satunya jalan keselamatan bagi orang Melayu adalah dengan membebaskan diri daripada jerat kemiskinan melalui pemikiran kritis dan usaha menimba ilmu.

Pada masa yang sama, terdapat juga cendekiawan Melayu-Muslim yang menerajui perjuangan hak wanita. Pada tahun 1920an, penulis seperti Syed Sheikh al-Hadi dan Ahmad Rashid Talu – kebetulan kedua-duanya bertapak di Pulau Pinang – telah membangkitkan isu kemandirian serta hak wanita untuk mendapat pendidikan. Melalui tinta mereka, watak wanita utama dalam Hikayat Faridah Hanum (al-Hadi) dan Iakah Salmah? (Talu) menjadi watak yang dinamik, progresif dan moden – ciri-ciri yang bertentangan dengan norma masyarakat zaman itu.

**Kebebasan**

Sejak kedatangan Islam, soal kebebasan itu sentiasa menjadi satu daripada isu utama dalam wacana Muslim. Perkara ini juga terbukti benar dalam sejarah negara kita, seperti yang boleh dilihat dalam karya Abdullah, Za'aba, al-Hadi, Talu dan lain-lain lagi, yang selalu mengajak masyarakat untuk mengejar ilmu, berfikir secara waras serta mencari kebebasan rohani.

Kini, nilai tersebut diancam. Kancah umum seolah-olah didominasi oleh ekstremisme, ketaksuban dan kejumudan, didorong pula oleh pihak berkuasa yang hanya tahu mengharamkan apa-apa sahaja yang tidak dapat dikawal atau difahaminya. Sepertimana pernah diluahkan oleh Martin Luther King Jr: "Tiada yang lebih berbahaya dalam dunia ini selain sifat ikhlas terbit daripada kejahilan dan sifat cermat yang terbit daripada kebodohan."

Dalam pada itu, ancaman sebenar yang dihadapi ummah bukanlah segelintir orang jahil dan pentaksub, tetapi kejahilan yang meluas dalam kalangan masyarakat kita. Kejahilan inilah yang harus dicabar dan ditanggapi sekiranya kita ingin keluar daripada perigi buta yang membinasakan.

Teguran Za'aba harus diberi perhatian yang sewajarnya – sesungguhnya jalan keselamatan Muslim adalah jalan ilmu, pencerahan dan pembebasan daripada kejahilan.

**ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap**
**Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute*.**

**BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.**

**SENARAI UNIT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Sunrise Manner Sdn. Bhd.**<br>Lot 1146, Jalan Seladang, Alma<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5388388<br>No. Fax : 04 5513888 | Di Atas Lot 1138 dan 1146,<br>Mukim 15, Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang | HillPark Residensi | Teres 2 Tingkat | RM528,000.00 | RM501,600.00 | 9 | Lionel Lee Kian Aik |
| 2. | **E.W & Associates Sdn. Bhd.**<br>G-01, Lorong Delima 1<br>Taman Seri Delima, Juru<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5073455 | Di Atas Lot 604, 605 dan 606,<br>Mukim 13, Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Seri Delima (Fasa 4) | Kedai Pejabat 3 Tingkat | RM816,000.00 – RM1,268,000.00 | RM775,200.00 – RM1,204,600.00 | 5 | Siti Murni Binti Ishak |
| 3. | **Northern Skyline Sdn. Bhd.**<br>Suite 12.1, 12th Floor,<br>Menara Penang Garden<br>42 Jalan Sultan Ahmad Shah<br>10050 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2266734 / 2266848<br>No. Fax : 04 2280298 | Di Atas Lot 265 Seksyen 9W,<br>Bandar Georgetown<br>Lintang Sungai Pinang<br>Daerah Timur Laut,<br>Pulau Pinang. | Skyline City | Kedai Pejabat 3 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar 3 Tingkat | RM1,750,000.00<br><br>RM1,742,000.00 – RM1,799,000.00 | RM1,662,500.00<br><br>RM1,654,900.00 – RM1,709,050.00 | 4<br><br>3 | Teoh Kean Liang |
| 4. | **GSV Development Sdn. Bhd.**<br>70 - 1 - 4 D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri<br>Bayan Baru<br>11900 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 6401333<br>No. Fax : 04 6401330 | Di Atas Geran 120871,<br>Lot 1082, Mukim 10<br>Jalan Paya Terubung<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | The Golden Triangle | Kedai<br><br>Pangsapuri Kos Sederhana | RM298,400.00 – RM829,760.00<br><br>RM277,200.00 – RM725,760.00 | RM283,480.00 – RM788,272.00<br><br>RM263,340.00 – RM689,472.00 | 21<br><br>64 | - |
| 5. | **Wahgiap Development Sdn. Bhd.**<br>No. 301 - B, Jalan Perak<br>2nd Floor, Wisma Wahgiap<br>10150 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2805808 / 2814862<br>No. Fax : 04 2811412 | Di Atas Lot 1800<br>(Lot Baru 2331 - 2340)<br>Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | Sri Matahari | Rumah Berkembar 2 Tingkat | RM800,000.00 – RM950,000.00 | RM760,000.00 – RM902,500.00 | 3 | Ooi En Bee |
| 6. | **Seni Wangsa Sdn. Bhd.**<br>4272 (1st Floor)<br>Jalan Kampung Benggali<br>12200 Butterworth<br>No. Tel : 04 5384898<br>No. Fax : 04 5385848 | Di Atas Lot 419, Seksyen 2,<br>Jalan Berapit, Bukit Mertajam,<br>Seberang Perai Tengah,<br>Pulau Pinang | Taman Serumpun | Kedai 2 Tingkat<br>Kedai 3 Tingkat<br>Kedai 2 Tingkat | RM528,000.00<br>RM728,000.00<br>RM388,000.00 | RM501,600.00<br>RM691,600.00<br>RM368,600.00 | 2<br>1<br>2 | Ng Thar Haw |
| 7. | **Ganjaran Wawasan Sdn. Bhd.**<br>Plot 159, Jalan Perindustrian<br>Bukit Minyak 7, Bukit Minyak Industrian Park<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5075808<br>No. Fax : 04 5022817 | Di Atas Lot 800, Seksyen 3,<br>Jalan Barnett, Jalan Vermont<br>Dan Jalan Adams,<br>Daerah Timur Laut,<br>Pulau Pinang | Vermont Villa | Rumah Sesebuah 3 Tingkat Jenis A<br><br>Rumah Sesebuah 3 Tingkat Jenis D | RM6,000,000.00<br><br>RM3,988,000.00 – RM4,200,000.00 | RM5,700,000.00<br><br>RM3,788,600.00 – RM3,990,000.00 | 1<br><br>3 | Ms Lim Sook Yen |

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |

| | |
|---|---|
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |

| | |
|---|---|
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |

| | |
|---|---|
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 019 - 409 5922 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 019 - 433 7464 | - Mat Zahir |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 2916 | - Rodzi |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 012 - 679 4704 | - Yaser |
| N22 | Tanjong Bungah | : 016 - 465 0318 | - Ranson |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 478 3237<br>017 - 956 3237 | - Lingam<br>- Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 012 - 504 4836 | - Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
Kon Yeow yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir berkata, Kerajaan Negeri bersama-sama MPPP dan MPSP menzahirkan kesungguhan projek GRB melalui peruntukan dana kepada PWDC untuk tujuan berkenaan.

"Mereka (PWDC, MPPP dan MPSP) telah berjaya mencatatkan kejayaan dalam pelbagai bidang terutamanya penganjuran program-program melibatkan penyertaan masyarakat seperti projek perintis di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai dan PPR Ampangan di Seberang Perai.

"PPR ini dimiliki dan diuruskan PBT. Walaupun ini merupakan projek perintis, kita masih ibarat kanak-kanak baru yang mula bertatih.

"Akan tetapi, terdapat beberapa pengalaman yang boleh dikongsikan bersama di dalam persidangan ini," ujarnya pada Persidangan GRB baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Yang di-Pertua (YDP) MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, YDP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Serantau Bangsa-bangsa Bersatu Wanita (UN Women), Roberta Clark.

Persidangan dua hari tersebut turut disertai penceramah dan peserta dari Jerman, Portugal, Austria, Korea, Indonesia, India, Nepal dan Filipina.

Tambah Kon Yeow, penganjuran seumpamanya membolehkan perkongsian pengalaman dari negara-negara yang telah berjaya menembusi penginstitusian jantina di semua peringkat kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan.

"Untuk menikmati kejayaan dalam GRB, semua perlu memainkan kepentingan masing-masing.

"Mesti komited dan mengambil bahagian sepenuhnya.

"Institusi, sama ada di dalam Majlis, Kerajaan Negeri mahupun masyarakat tempatan perlu bekerjasama bersama PWDC, MPPP dan MPSP bagi menjadikan GRB berjaya di Pulau Pinang," ujarnya.

# B.A.C.A. 'Buku Jalanan' percuma – M. Fitri




SUASANA sambutan pengunjung Taman Vision, Bertam terhadap program B.A.C.A. Buku Jalanan di sini baru-baru ini.

**SELALUNYA,** Perpustakaan menyediakan perkhidmatan meminjam buku.

Jalan-Jalan baru-baru ini mendekati sekumpulan anak muda yang melakukan aktiviti serupa di Taman Vision, bersebelahan Masjid Abdullah Fahim dekat Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.

**Menarik**

Beralaskan kain kosong, kumpulan muda ini menyusun semua koleksi buku-buku peribadi masing-masing untuk dipinjam serta dibaca oleh pengunjung di sini secara percuma

Paling banyak buku genre sejarah dan politik tanah air. Buku cerita untuk kanak-kanak tak kurang juga.

Koordinator, Mohamad Fitri Termizi, bekerjaya sebagai pemandu pelancong.

Anak muda itu baru graduasi dari Universiti Utara Malaysia (UUM), dalam jurusan Hal Ehwal Pengurusan Antarabangsa.

Menurut beliau, program B.A.C.A. 'Buku Jalanan' ini adalah inisiatif bersama-sama beberapa aktivis lain seperti 'Abu Nawas', 'Mat Pon Revera', 'Ayah Halim' dan beberapa orang lagi.

Walaupun baru dilancarkan sebulan yang lalu, program tersebut telahpun menerima sukarelawan lebih 40 aktivis muda, dari pelbagai latar belakang sosial.

Mohamad Fitri memberitahu, dua Ahli Majlis dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Tarmizi Abdullah dan Mohamad Shai pol Ismail memainkan peranan penting dalam menjayakan program aktivis ini.

"Kami bukanlah perintis seperti diakui setengah pihak yang menganjurkan program seumpama ini.

"Kami pinjam idea Buku Jalanan ini untuk dibawa ke Pulau Pinang," ujar Mohamad Fitri kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

**APA itu B.A.C.A.?**

Umumnya, Mohamad Fitri memberitahu, program 'Buku Jalanan' ini sebenarnya untuk kempen membaca buku secara percuma.

Kumpulannya percaya, membaca boleh memangkin pada perubahan sosial di tanah air ini.

"B.A.C.A. bukan sekadar makna 'iqra'' (bacalah), tetapi, akronim *book* (buku), *art* (kesenian), *culture* (kebudayaan) dan *activism* (aktivisme).



MOHAMAD Fitri Termizi (kiri) sedang ditemuramah wartawan BM.

"Pertama kali, orang tengok kami pun mereka mungkin berasa pelik. Anak-anak muda ini jual buku terpakaikah?

"Matlamat kami sebenar, gerakan budaya membaca. Membaca adalah percuma, itu saja," seloroh beliau.

Difahamkan, program B.A.C.A. 'Buku Jalanan' ini telah wujud dekat beberapa lokasi lain, seperti di Shah Alam, Manjung dan sebagainya.

Anak muda digembeling untuk membaca dan berkongsi bakat aktivisme lain melalui program seumpama ini, secara santai dan inklusif.

Program seumpama itu sekaligus dijadikan pusat perkembangan bakat aktivis muda, demi merobah masa depan negara agar lebih memberi manfaat kepada rakyat terbanyak.



PERCUMA... itulah masej kumpulan aktivis B.A.C.A. Buku Jalanan untuk menggembling minat membaca dalam kalangan warga setempat di sini.

**Projek aktivisme di Pulau Pinang?**

Mohamad Fitri merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana membawa tadbir urus yang jauh lebih baik berbanding Kerajaan Negeri sebelum ini.

Pun begitu, beliau berharap usaha meruangkan partisipasi anak muda dengan program Kerajaan Negeri wajar diteruskan.

Itu, katanya lagi, termasuk memanfaatkan sumbangan anak muda melalui *Penang Institude* (PI) dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), yang baru ditubuhkan tahun lepas.

"Di Pulau Pinang bukan tidak ada apa-apa untuk orang muda.

"PI umpamanya, telah melakukan yang terbaik, termasuk membawa wacana awam mengenai Seniman Agung Negara, Allahyarham P. Ramlee ke Kepala Batas, sebelum ini.

"Ada pihak melihat orientasi PI ini lebih orientasi satu hala, serta tidak 'turun ke bawah'.

"Saya tidak setuju dengan pendapat pihak terbabit, tetapi, saya yakin PI boleh membuat lebih baik dari itu.

"Macam program B.A.C.A. Buku Jalanan, kita cuba untuk 'turun ke bawah' semungkin boleh.

"Kita tak mahu program Buku Jalanan ini eksklusif, tapi kita nak inklusif untuk semua," jelas beliau lagi.

Selain projek membaca buku secara percuma, Mohamad Fitri memberitahu, pihaknya sejak merancang penganjuran *'busking'*, 'Forum Orang Kampung', deklamasi puisi, bedah buku dan sebagainya pada masa depan kelak.

Sertai program B.A.C.A. 'Buku Jalanan' di Taman Vision pada hari Ahad minggu pertama dan ketiga tiap-tiap bulan, sejurus selepas waktu Asar.

Info lanjut atau urusan partisipasi demokrasi, hubungi Mohamad Fitri pada talian 013 – 464 9080 atau emel, ***fitritermizi@gmail.com*** atau laman facebook ***www.facebook.com/bukujalananbertam.***

# Teknik dorongan Nabi di Tadika ABS - Wardiyatul Fathi



WARDIYATUL Fathi Othman.

**DEMI** anak yang sakit, beliau mengambil keputusan untuk berhenti dari kerjaya sebagai pensyarah di sebuah universiti swasta.

Dari situ, beliau mencipta kerjayanya, supaya boleh terus menjaga hal kebajikan anak yang sedang sakit.

Beliau pernah mengambil upah mengajar murid membaca, sehinggalah tertubuhnya pusat jagaan kanak-kanak, taman asuhan kanak-kanak (taska) dan taman didikan kanak-kanak pra sekolah (tadika) di Taman Seri Indah, Kepala Batas, yang dikenali sebagai Tadika Intan Gemilang ABS.

Peribadi yang dimaksudkan adalah Puan Wardiyatul Fathi Othman, 44.

"Semua ini bukan sebab perniagaan. Saya membuka tadika disebabkan desakan hidup.

"Saya mempunyai seorang anak kecil semasa itu yang sakit, memaksa saya untuk tidak boleh kerja dengan orang.

"Ke mana saya pergi, saya bawa anak saya ini kerana makannya perlu dijaga, ubatnya perlu diberi mengikut masa... akhirnya saya mencipta kerja saya sendiri.

"Dari membuka kelas membaca di rumah, hinggalah berkembang seperti sekarang. Ini semua benar-benar rezeki anak," ujar Wardiyatul Fathi semasa diwawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** di sini baru-baru ini.

Wardiyatul Fathi sudah bermastautin di Pulau Pinang selama 16 tahun walaupun ibu cekal itu anak kelahiran Kuala Lumpur.

Beliau berkata, suaminya banyak menyokong kerjaya, di samping tanggungjawab membesarkan tiga anak lelaki dan dua anak perempuan, berusia antara 21 tahun hingga 11 tahun.

"Nampak macam senang, kerana nak ajar budak kecil sahaja.

"Tadika ABS (*Ainon Business School* ) yang diasaskan oleh Puan Ainon Mohd. ini diwujudkan untuk menaik taraf sistem pendidikan pra sekolah," jelas beliau.

**KEISTIMEWAAN**

Beliau memberitahu, kerja mendidik umumnya mulia.

Pun begitu, beberapa insiden seperti penganiayaan anak-anak di tadika atau pusat asuhan belakangan ini mengakibatkan khalayak mempunyai pendapat yang pelbagai terhadap profesyen menguruskan pra sekolah.

Menurut Wardiyatul Fathi, Tadika ABS menawarkan tiga kelainan untuk meningkatkan mutu pelanggan.

Pertama, katanya, "Dorongan Teknik Nabi"

"Dalam tadika kita, kita tak memekikkan anak-anak. Tetapi, kondisi sekolah diwujudkan secara seronok dengan dorongan membuat baik untuk meninggalkan amalan yang kurang baik.

Kedua, katanya lagi, Tadika ABS menawarkan modul A.R.A.F.

"Budaya Melayu antaranya pelajar-pelajar dilarang jual beli di sekolah, walaupun kita beri wang saku untuk anak-anak kita membeli makanan dan keperluan lain di sekolah.

"Modul A.R.A.F atau Abdul Rahman bin Auf ini bukan sekadar berkongsi pengalaman jual beli, tetapi, anak-anak di Tadika ABS turut didedahkan budaya keusahawanan supaya mereka tidak menjual sijil mereka (makan gaji), sebaliknya cipta kerjaya sendiri."

Ketiga, katanya lagi, Bahasa Melayu Tinggi (BMT) diamalkan di Tadika ABS supaya anak-anak ini dididik dengan budi yang tinggi serta *akhlak Islamiah*.

"Globalisasi menjadikan anak-anak kita lebih cepat mencerap bahasa dan budaya yang kurang sihat, sehingga pergaulan mereka tidak lagi mencerminkan budi yang tinggi.

"Di Tadika ABS ini, kita menerapkan penggunaan Bahasa Melayu Tinggi seperti Tuan Muda Zainulfaqar, bukan Zainulfaqar.

"Bukan bercakap berpatik-patik seperti bahasa Istana, tetapi percakapan yang penuh dengan akhlak dan budi Melayunya," ujar Wardiyatul Fathi.

**HARAPAN**

Berbekalkan kelainan ketiga-tiga modul ini, Wardiyatul Fathi melahirkan harapan untuk saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri ini.

"Dalam sasaran ABS antaranya membuka lebih banyak tadika menggunakan ketiga-tiga modul ini, atau mengambilalih pengurusan tadika-tadika sedia ada.

"Kerjasama dengan Kerajaan Negeri, khususnya berkaitan pendidikan dan kekeluargaan, mungkin boleh membina jenama modul pendidikan pra sekolah yang baru di negeri ini,"

Untuk itu, katanya, ABS sendiri memperkenalkan budaya kerja tersendiri supaya harapan ini lebih cepat berkembang daripada sasaran masa yang sepatutnya.

Budaya kerja yang dimaksudkan, menurut Wardiyatul Fathi, adalah pematuhan nilai shariah, berlumba-lumba serta bekerja dalam *jamaah*.

"Berlumba-lumba, ertinya sama-sama dalam meningkatkan mutu pelanggan masing-masing. Bersaing lebih pada mengetepikan rakan yang mempunyai cita-cita yang sama dengan kita."

"Contoh kalau ada tadika ABS baru yang nak dibuka di tempat saya umpamanya, pengusaha tadika baru lebih diutamakan untuk membuka peluang di sini, dengan saham paling tinggi 5 peratus ditawarkan kepada saya untuk kerjasama langsung."

Justeru, Wardiyatul Fathi berharap, kelainan pada modul tadika ABS ini boleh dikongsi dengan pihak berwajib dalam Kerajaan Negeri demi manfaat generasi depan Pulau Pinang.

Info lanjut, hubungi ***Wardiyatul Fathi, 019 – 473 6020*** atau ***intangemilang@gmail.com.***






ANTARA aktiviti yang dijalankan di Tadika Intan Gemilang ABS.

# RM16 juta hasil promosi bayar cukai awal tahun



MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, tiga dari kiri), Sr. Rozali Mohamud (depan, dua dari kiri) serta barisan Ahli Majlis MPSP lain bergambar kenangan bersama-sama para pemenang cabutan bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya mengutip RM16 juta daripada 25,755 pembayar cukai premis sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014, melebihi sasaran awal tahun ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, angka itu sekaligus mencerminkan keberkesanan majlis mengadakan cabutan bertuah sempena promosi bayaran cukai pintu yang diadakan saban tahun.

"Sebanyak 36 lagi penerima cabutan bertuah yang disenaraipendekkan akan mendapat hadiah masing-masing...bagi saya jauh lebih bernilai berbanding tahun-tahun sebelum ini.

"Kesemua hadiah untuk 77 penama diraikan sebagai menghargai komitmen mereka membayar cukai setahun (2014) kepada MPSP berserta tunggakan (jika ada)," ujarnya kepada wartawan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan barisan Ahli Majlis lain turut hadir pada sidang media, selepas majlis penghargaan tersebut.

*Mountain Bike Exitway M6, Mountain Bike Bianchi KUMA,* telefon pintar *Samsung Galaxy S4, televisyen* Samsung LED 32", komputer riba Asus dan Ipad Mini antara hadiah bernilai yang diberikan kepada 36 pelanggan MPSP bertuah.

Direkodkan, MPSP berjaya mengutip RM20.32 juta (RM20,320,507.49) cukai pintu daripada 24,348 pelanggannya pada tahun 2013, manakala, RM15.051 juta daripada 21,495 pembayar cukai pada tahun sebelumnya (2012).

Sebelum itu, Maimunah merakamkan permohonan maaf kerana majlis penghargaan pembayar cukai terbabit dilangsungkan lewat hampir dua jam.

Maimunah dalam ucapan ringkasnya memberitahu, kelewatan majlis perhargaan itu adalah berpunca daripada mesyuarat penuh MPSP yang selesai lewat daripada masa perancangan.

Beliau turut memohon maaf kepada seorang pelanggan yang berang dengan kelewatan majlis penghargaan tersebut.

"Kita akan memperbaiki mutu pelanggan...saya memohon maaf atas kesulitan yang tidak disengajakan," jelas Maimunah dalam ucapannya.


**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**
**KOD TENDER : CMI / TENDER / 1 / 2014**

1.Tawaran adalah dipelawa daripada orang perseorangan yang terdiri daripada **anak kelahiran Negeri Pulau Pinang** dan **pengundi berdaftar di Negeri Pulau Pinang** untuk menyertai tawaran tender berikut:-

**"PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN NEGERI UNTUK TUJUAN TAPAK RUMAH KEDIAMAN BAGI PETAK 1, PETAK 2, PETAK 3 DAN PETAK 4 DI LOT 134, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG"**

Dokumen Tender adalah dijual pada harga **RM50.00** senaskah di **Kaunter Juruwang, Tingkat 3, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang** pada setiap hari bekerja dari **jam 8.00** pagi hingga **5.00 petang** mulai **12 Mac 2014 (Rabu)**.

Semua individu yang berminat menyertai tender ini **DIGALAKKAN** untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:-

**Tarikh** : **27 Mac 2014 (Khamis)**
**Masa** : **9.30 pagi**
**Tempat** : **Petak 1, Jalan Ketitir 1, Lot 134, Mukim 13, Daerah Timur Laut (Berhampiran Sekolah Menengah Bukit Jambul)**

Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan dengan Kod Tender dan Tajuk Tender di sebelah kanan. Dokumen tersebut mestilah sampai **sebelum** atau **pada jam 12.00 tengahari,** 11 April 2014 dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah menjadi tanggungjawab Petender.

Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang hanya akan menerima harga tawaran tertinggi daripada harga tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri. Mana-mana tawaran yang dikemukakan selepas daripada masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Petender yang berjaya adalah dikehendaki untuk berurusan dengan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut untuk tindakan selanjutnya.

Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web ***http://www.penang.gov.my*** dan ***http://ep.penang.gov.my.***

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Puan Bharathi A/P Suppiah di talian **04-6505554** atau Puan Siti Hajar Binti Abdul Rahim di talian **04-6505711.**

**Pengurus Besar**
**Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang**


# Aliran sehala - Cangkat Minden 13 & Jalan Kedah



MESYUARAT Biasa Majlis MPPP yang berlangsung di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini pada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Lalulintas meluluskan penukaran aliran lalulintas sehala di sebahagian Cangkat Minden Jalan 13 dan sebahagian Jalan Kedah di sini selama tempoh percubaan tiga bulan.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail Pengerusi Gantiannya, Muhammad Sabri Md. Osman berkata, cadangan bakal dilaksanakan pada waktu tertentu akan digunapakai di sebahagian Cangkat Minden Jalan 13.

"Arah aliran lalulintas sehala yang dicadangkan adalah dari Cangkat Minden Jalan 14 ke Cangkat Minden jalan 15.

"Pihak Majlis akan melaksanakan tiga waktu pelaksanaan iaitu 6.30 pagi hingga 8 pagi, 12.30 tengahari hingga 2 petang dan 3 petang hingga 7.30 malam," ujarnya pada Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Menurut Muhammad Sabri, turut berlaku penukaran arah lalulintas dua hala ke sehala adalah di sebahagian Jalan Kedah.

"Ia melibatkan di antara Jalan Burma dan lorong belakang dengan arah aliran dari Jalan Burma menuju ke lorong belakang pada tempoh percubaan yang sama (tiga bulan)," jelas beliau.

Dalam pada itu, Jawatankuasa juga meluluskan cadangan menaiktaraf sebuah jejantas pejalan kaki di persimpangan Jalan Penang/Jalan Burma/Jalan Dr. Lim Chwee Leong oleh pemaju, IGB Corporation Berhad.

"Jejantas ini adalah secara tajaan oleh IGB Corporation Berhad dan sebagai balasan, syarikat terbabit diberi hak ruang iklan dengan syarat-syarat yang akan ditentukan kemudian," ulas Muhammad Sabri.

# *Barber Sand* tambahbaik kebersihan pantai Batu Feringghi

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU FERINGGHI –** Sebagai usaha memperindahkan lagi kualiti kebesihan kawasan pantai di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengaplikasikan penggunaan mesin pembersihan pantai dikenali *Barber Sand* model 850 di sini baru –baru ini.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, jentera membabitkan kos RM72,000 tersebut mampu menjalankan kerja-kerja pembersihan secara teliti di atas permukaan pasir atau yang tertanam sehingga kedalaman 10 sentimeter (cm) bagi memperindahkan kualiti kawasan pantai Batu Feringghi.

"Dengan kelajuan selamat kira-kira 5.5 kilometer sejam, jentera ini akan dapat mebersihkan pelbagai sisa termasuk kaca pecah, plastik, puntung rokok, ranting kayu, batu kecil, kulit kerang dan sebagainya.

"Jentera bakal dikendalikan seorang pekerja akan beroperasi selama empat hari seminggu (kecuali hari kelepasan am dan cuti umum) dari jaluran pantai berhadapan Hotel Rasa Sayang sehingga pantai berhadapan *Bayview Beach Hotel and Resort*," ujarnya pada Majlis Pelancaran Mesin Pembersihan Pantai di Batu Feringghi baru-baru ini di sini.

Turut hadir Ahli-ahli Majlis MPPP, D.S. Harvinder Singh, A. Kumaresan, Lee Chun Kit dan Tan Kim Hooi.

Tambah Patahiyah, MPPP peka bahawa kebersihan adalah agenda utama dititikberatkan dalam memenuhi keperluan semasa terutamanya sektor pelancongan kawasan Batu Feringghi yang merupakan destinasi masyur dalam kalangan pelancong antarabangsa.




**SALAH seorang kakitangan MPPP menunjukkan demonstrasi penggunaan mesin *Barber Sand* model 850 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

"MPPP yakin dengan penggunaan jentera ini akan dapat memperindahkan lagi kualiti kawasan pantai di sini," ujar beliau.

## 7 kenderaan sisa pepejal baru untuk Balik Pulau

**GEORGE TOWN –** Pembelian tujuh buah kenderaan baru sisa pepejal Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini mampu mengukuhkan sistem pengurusan sisa pepejal dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan pungutan serta angkutan sampah di Balik Pulau di sini.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail semasa merasmikan kenderaan baru tersebut berkata, dengan kos keseluruhan RM1,944,500, pembelian kenderaan-kenderaan tersebut adalah bagi menggantikan yang usang berusia 19 tahun.

"Tujuh kenderaan tersebut adalah meliputi kenderaan kompaktor sebanyak 3 unit bernilai RM1,009.500, *High Side Tipper* (2, RM416,000 dan *Roll On Roll Off* (2, RM519,000).

"Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu dilaksanakan MPPP adalah secara berterusan dengan memfokuskan kepada aspek 4E iaitu Kejuruteraan *(Engineering)*, Pembelajaran *(Education)*, Penguatkuasaan *(Enforcement)* dan Efisiensi *(Efficiency)*.

"Perkhidmatan memungut sampah secara *hybrid* digunapakai di Pulau Pinang dengan membabitkan pelbagai kenderaan seperti kompaktor khusus bagi sampah domestik, *Roll On Roll Off* (sampah pasar) dan *High Side Tipper* (sampah pukal atau kebun)," ujarnya pada Majlis Perasmian Tujuh Kenderaan Sisa Pepejal MPPP baru-baru ini di sini.

Hadir sama barisan Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPPP.

Menurut Patahiyah, kenderaan-kenderaan baru tersebut akan beroperasi meliputi sempadan lokasi perkhidmatan yang telah ditetapkan di sekitar Balik Pulau.

"Terdapat tujuh zon kawasan diservis MPPP 100 peratus dan Balik Pulau adalah salah satu daripadanya.

"Perkhidmatan ini akan dilaksanakan mengikut jadual dan waktu ditetapkan iaitu antara jam 8 pagi hingga 5 petang," ujar beliau.



**AR. Patahiyah Ismail (depan, bertudung) meneliti kenderaan kompaktor baru bagi mengangkut sampah domestik kawasan Balik Pulau pada Majlis Perasmian Tujuh Kenderaan Sisa Pepejal MPPP baru-baru ini di sini.**

## SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

**SPU**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | 10 | 0 | 10 |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | 20 | 0 | 20 |

**SPT**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

**SPS**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Cuma 10 minit perangi aedes



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) turun padang menyertai program gotong-royong di Persiaran Mayang Pasir, Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG –** Cuma 10 minit!, begitulah seruan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berhubung usaha membendung wabak denggi di kediaman masing-masing di sini baru-baru ini.

Katanya, usaha memerangi aedes harus dilaksanakan secara berterusan dan bukannya mengikut musim-musim tertentu.

"Saya menyeru penduduk setempat agar mengambil inisiatif luangkan masa membersih kawasan sekitar kediaman masing-masing.

"Tak perlu lama, cukup kalau 10 minit, ambil masa pantau dan bersihkan kawasan sekitar rumah.

"Kalau nak bendung dari wabak denggi, kita kena mula dari rumah," katanya ketika hadir merasmikan Program Gotong-royong dan Kempen Batu Maung Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat di sini baru-baru ini.

Tambah Abdul Malik, beliau agak terkilan dengan sikap masyarakat kini yang hanya mengharapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membersihkan kawasan taman-taman perumahan, walhal sikap kebersihan harus diterapkan dalam diri masing-masing.

"Agak susah nak beri kesedaran kepada masyarakat kita, sudah terantuk baru terngadah, itupun kalau melibatkan orang yang mereka kenali atau kenalan rapat.

"Oleh itu, dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri, hari ini kita adakan serentak aktiviti gotong-royong di lima kawasan, manakala satu kawasan iaitu di Kampung Baru Sungai Ara telah dilaksanakan hari sebelumnya," jelas beliau yang turut serta turun padang di kelima-lima kawasan termasuk Persiaran Mayang Pasir Bukit Gedung, Jalan Baru Batu Maung dan Medan Batu Maung.

Dalam pada itu, sebagai usaha berterusan, beliau akan terus menganjurkan program gotong-royong dari masa ke masa memandangkan kawasannya diisytihar sebagai kawasan wabak dengan Indeks Aedes (AI) melebihi 1.0.

"Walaupun bebas wabak, kita akan teruskan juga program gotong-royong ini mengikut zon-zon dalam JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) demi keselamatan, kesihatan dan keselesaan semua," nyata Abdul Malik.

## Bergerak Medic bantu jaga tahap kesihatan berkala



SEBAHAGIAN penduduk Taman Sejahtera mendapatkan nasihat kesihatan daripada pengamal perubatan pada program Bergerak Medic di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MACHANG BUBUK –** Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menyeru penduduk di kawasannya supaya menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Bergerak Medic di Taman Sejahtera di sini baru-baru ini.

Katanya, program anjuran pejabat beliau adalah bagi memupuk kesedaran kepentingan pemeriksaan kesihatan dalam kalangan penduduk di samping mengeratkan ikatan silaturahim sedia ada.

"Program ini mensasarkan para penduduk terutamanya di kawasan kampung.

"Selain memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara percuma, program seperti ini juga dapat membantu penduduk menjaga tahap kesihatan secara berkala," ujarnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

Menurut Chee Keong, program yang dijalankan di sini merupakan anjuran kali keempat sejak ia mula diperkenalkan pada Oktober lalu.

"Sambutan yang diberikan para penduduk selama empat bulan penganjuran program ini adalah amat menggalakkan, tetapi, masih tidak mencapai sasaran bilangan penyertaan penduduk diharapkan.

"Justeru, saya menyeru supaya penduduk tidak takut untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi menjamin kehidupan yang lebih sihat," nyata Chee Keong.

Dalam pada itu, kata Khai Loon, selain pemeriksaan kesihatan, turut diadakan adalah program gotong-royong secara berkala bagi memerangi wabak denggi.

## Rai pelajar cemerlang, tuisyen percuma diteruskan



SEBAHAGIAN pelajar cemerlang PMR bergambar bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (sembilan dari kanan) dan Sim Tze Tzin (enam dari kanan) pada Majlis Penghargaan Pelajar-pelajar Cemerlang di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG –** Seramai 24 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) tahun lalu diraikan dalam suatu majlis penghargaan anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

Abdul Malik dalam ucapannya berkata, insentif diberikan adalah sebagai galakan kepada pelajar-pelajar berkenaan untuk lebih bersemangat menggapai kejayaan dalam kehidupan.

"Tahniah kepada semua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam PMR lalu, andalah jaguh yang akan menjadi kebanggaan Pulau Pinang.

"Saya yakin dan percaya bahawa anda semua bukan sahaja boleh menjadi jaguh dalam keluarga, tetapi mampu menjadi jaguh dunia dalam mengejar impian masing-masing," katanya pada Majlis Penghargaan Pelajar-pelajar Cemerlang di sini baru-baru ini.

Kesemua pelajar adalah dari tiga buah sekolah menengah dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung.

Pada majlis yang turut dihadiri Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin tersebut, para pelajar masing-masing menerima sijil penghargaan dan baucar buku.

Turut berlangsung adalah perasmian pendaftaran tuisyen percuma khas untuk pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan awam negara.

Abdul Malik memberitahu, tahun ini merupakan tahun keenam penganjurannya dan berharap ia sedikit sebanyak dapat membantu anak-anak daripada keluarga kurang bernasib baik dan kurang berkemampuan mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

# Penduduk tahu hargai & hormati jiran tetangga - Afif

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin meminta mana-mana pihak yang cuba melakukan provokasi perkauman sejak kebelakangan ini untuk melupakan hasrat tersebut memandangkan rakyat negeri ini tidak termakan dengan hasutan itu.

Afif menyatakan pendirian tersebut ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya yang diadakan di Taman Janggus Jaya di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, kehadiran ramai penduduk berbilang kaum khususnya dari kawasan Seberang Jaya ke majlis tersebut sekaligus membuktikan kegagalan pihak tidak bertanggungjawab terbabit mengganggu keharmonian antara kaum di negeri ini.

"Pada hari ini, kita dapat lihat rakyat berbilang kaum bersama-sama meraikan perayaan-perayaan besar di negeri ini tanpa mengenal warna kulit dan agama.

"Saya yakin, penduduk di sini lebih tahu untuk menghormati dan menghargai masyarakat dan jiran tetangga mereka daripada terpengaruh provokasi sesetengah pihak," ujarnya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen, Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti) dan dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Tan Cheong Heng dan Abdul Jalil Che Ros.

Beliau yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan menambah, keharmonian kaum di negeri bukan sahaja dapat dilihat pada musim perayaan sahaja, bahkan turut dipamerkan dalam program-program anjuran Kerajaan Negeri.

"Banyak program anjuran Kerajaan Negeri yang memerlukan penglibatan semua kaum dan bermula dari situ kita dapat merapatkan hubungan sesama mereka.

"Saya harap semangat ini dapat berterusan dan meminta supaya penduduk negeri ini tidak mudah terpengaruh dengan taktik kotor mereka," seru Afif.

Pada majlis itu, hadirin dijamukan dengan pelbagai juadah termasuk sate, *char koay teow* dan ais kacang sebelum majlis diakhiri dengan pemberian angpau kepada kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun oleh Afif.



**DR. Afif Bahardin (barisan belakang, tengah) bergambar bersama-sama sebahagian kanak-kanak yang menerima angpau pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

# Gotong-royong basmi aedes




**TEH Yee Cheu (berdiri, sembilan dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur dan para penduduk Taman Hillview pada Program Gotong-royong di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJUNG BUNGAH** – Seramai 100 penduduk Taman Hillview menyertai Program Gotong-royong dalam usaha membendung wabak demam denggi di Sungai Kelian di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Teh Yee Cheu ketika ditemui berkata, program dianjurkan Persatuan Penduduk Taman Hillview merupakan program bulanan yang diadakan di sini.

"Gotong-royong di sini bukanlah bermusim, tetapi kita adakan setiap bulan dalam memastikan wabak deman denggi dibendung sepenuhnya," katanya yang turut menyeru penyertaan semua pihak dalam program kemasyarakatan sebegini di sini baru-baru ini.

Aktiviti gotong-royong tersebut turut mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Hillview dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Tanjung Bungah turut tersenarai sebagai kawasan cenderung wabak denggi, oleh demikian, tambah Yee Cheu, beliau amat menggalakkan semua JKKK untuk menjadikan aktiviti gotong-royong sebagai aktiviti bulanan.




## Info PPK – Sungai Dua

**Pusat Khidmat Penyelaras KADUN Sg. Dua**
**Kompleks Penghulu**
**Sg. Dua, 13800 Butterworth,**
**Pulau Pinang.**

| | |
|---|---|
| Isnin – Khamis | : 9.00 pagi – 4.00 petang |
| Jumaat | : 9.00 pagi – 12.30 tengahari<br>2.30 petang – 4.00 petang |
| Zahadi Mohammad | : 019 - 507 3828 (PPK) |
| Rosli Man | : 013 - 595 6865 (Pembantu) |



# Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi




Sumber: Internet

**Sila Jawab Soalan :**

1 - Namakan Jambatan Kedua Pulau Pinang, ukuran panjang dan bila ia dibuka untuk umum?

.............................................................................................................................

2 - Bilakah George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO?

....................................................................................

3 - Namakan Ketua Menteri Pulau Pinang Ke-2 dan tempoh tarikh perkhidmatannya?

..................................................................................................................

Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka kepada semua.
2. Bulatkan 9 objek tersembunyi dengan pen berwarna MERAH sahaja & jawab 3 soalan di atas.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Hanya penyertaan lengkap bakal diadili.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Mei 2014.
9. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04 - 650 5564 / 5256 / 5704.
10. Alamatkan semua borang penyertaan kepada :
    Buletin Mutiara, Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah Utama
# RM 500